

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



PM, isteri di pameran Malaysia 25 tahun

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah melihat pandangan Kuala Lumpur moden yang dirakamkan di Pameran Malaysia 25 Tahun di Muzium Negara Kuala Lumpur semalam.

Tidak siapa dapat menyangkal, dalam tempoh 25 tahun, Malaysia telah berkembang pesat bukan sahaja dari segi pembangunannya malah dari segi sosio ekonomi juga.

Perdana Menteri yang merasmikan pameran tersebut juga meninjau beberapa bahagian yang mempamerkan berbagai kegiatan masyarakat Malaysia sebelum dan selepas merdeka.